

MASALAH CUTI PESILAT/ Pesaka bimbang

Keupayaan terjejas

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan (Pesaka) berharap pesilat-pesilatnya yang akan mengikuti latihan pusat Sukan SEA peringkat kelima bulan depan dan keenam (Julai), mendapat cuti daripada majikan masing-masing.

"Jika mereka terus menghadapi masalah cuti, dikhawatiri tidak semua pelatih dapat mengikuti latihan pusat untuk pertemuan sukan terbesar di rantau ini pada Ogos nanti," kata Setiausaha Agung Pesaka, (Abdul Rahman Hassan).

Menurutnya, latihan pusat peringkat ketiga dan keempat pada Disember lalu, tiga pesilat tidak menyertainya kerana masalah cuti.

Beliau berkata, Pesaka mahu pesilat memberi sepenuh perhatian terhadap latihan supaya matlamat memenangi sekurang-kurangnya lima pingat emas Sukan SEA tercapai.

Sehubungan itu, pihak majikan perlu memberi cuti tanpa rekod kepada pesilat berkenaan supaya mereka dapat mengikuti sepenuhnya latihan pusat itu.

Beliau berkata, adalah wajar majikan pesilat-pesilat negara memberi sumbangan bermakna demi memajukan sukan negara dengan memberi cuti kepada mereka.

"Kerjasama majikan amat dialu-alukan kerana ia juga sebagai pendorong kepada pesilat terbabit bagi menumpukan sepenuh perhatian kepada latihan," ujarnya.

Difahamkan ada pesilat bimbang jawatan mereka terganggu dan menjejaskan rekod pekerjaan kerana kerap memohon cuti bagi mengikuti latihan Sukan SEA.

Pesilat terbabit juga dikatakan tidak dapat menumpukan perhatian kepada latihan kerana bimbang gaji mereka dipotong atau diturunkan pangkat.

Katanya, pada masa ini 30 pesilat — 20 lelaki dan 10 wanita — mengikuti latihan pusat cemerlang di seluruh negara.

Latihan pusat dikendalikan oleh ketua jurulatih, Mohd Sani Murni dan dibantu oleh enam penolong jurulatih.

Latihan pusat cemerlang di Kuala Lumpur dijalankan oleh Mohd Sani Murni, Mohd Noor Mahmud (Kelantan), Johari Ibrahim (Terengganu), Osman Jufri (Johor), Tamadi Yahaya (Melaka), Jalil Salleh (Negeri Sembilan) dan Fadzil Ibrahim (Selangor).



■ RAHMAN HASSAN